

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Jom Tukar!

SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS, ROZIANIWATI YUSOF, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, NORHAFIZAH HASHIM & NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

Pernah atau tidak kita kekurangan wang tunai ketika membeli belah atau sewaktu membayar barang yang dibeli atau ketika membeli makanan di kafe? Kita akan merasa panik? Terus mencari mesin ATM untuk pengeluaran wang tunai? Atau urusan pembelian dibatalkan? Tidak perlu risau. Jom tukar ke aplikasi kewangan yang boleh membantu.

Apa itu aplikasi kewangan? Aplikasi kewangan adalah aplikasi yang digunakan bagi membantu pengguna mengendali dan mengatur kewangan mereka. Aplikasi ini dapat membantu pengguna untuk melancarkan pengeluaran kewangan, membuat anggaran bajet, membuat pembayaran dan melakukan transaksi kewangan yang lain. Melalui penggunaan aplikasi kewangan ini, ia dapat membantu pengguna sama ada perlu atau tidak untuk meneruskan transaksi tersebut. Ia juga dapat digunakan oleh individu, keluarga atau di dalam perniagaan bagi membantu melancar dan mengelolakan kewangan mereka dengan lebih efektif.



Aplikasi kewangan di Malaysia mula berkembang pada awal tahun 2000 ketika Internet semakin meluas digunakan. Beberapa bank dan institusi kewangan telah mula menawarkan perbankan secara dalam talian seperti pemindahan wang, pembayaran bil serta servis perbankan yang lain. Walau bagaimanapun, perkembangan penggunaan aplikasi kewangan bermula pada tahun 2010 apabila penggunaan teknologi secara

mobiliti mula berkembang dan semakin ramai menggunakan telefon pintar bagi melakukan transaksi kewangan mereka.

Perkembangan aplikasi kewangan ini semakin pesat pada tahun 2020 ketika pandemik COVID-19 dan menyebabkan ramai pengguna melaksanakan transaksi secara dalam talian dan menggunakan aplikasi kewangan yang ditawarkan. Ini mencetuskan fenomena dengan kemunculan lebih banyak aplikasi kewangan baru seperti aplikasi pengurusan kewangan, aplikasi pinjaman atas talian dan lain-lain lagi.

Terdapat beberapa kepentingan aplikasi kewangan yang dapat diperolehi oleh pengguna iaitu menjimatkan masa berurusan, memudahkan akses kewangan, menjimatkan kos operasi dan melangkaui produk kewangan (majalahlabur.com). Semakin pesatnya perkembangan teknologi dan keperluan pengguna untuk sentiasa mudah dan cepat, aplikasi kewangan akan terus menjadi penting di dalam kehidupan seharian.



Teknologi yang membantu aplikasi kewangan

Beberapa teknologi digunakan bagi menyokong aplikasi kewangan, antaranya adalah:

1. **Artificial Intelligence** – ia digunakan di dalam aplikasi kewangan bagi membantu pengguna untuk membuat keputusan atau pemilihan cadangan yang tepat, seperti membuat analisa pelaburan.

2. **Big Data** – ia digunakan untuk memproses dan menganalisis data kewangan pengguna.

3. **Mobile Technology** – teknologi seperti smartphone dan tablet memudahkan pengguna untuk mengakses aplikasi kewangan di mana-mana dan tiada kekangan waktu. Ini dapat memudahkan pengguna dengan melaksanakan transaksi dengan cepat dan mudah.

4. **Cloud Computing** – melalui teknologi ini, ia dapat menyimpan data kewangan pengguna secara efisien. Ia memudahkan pengguna untuk mengakses data kewangan mereka dengan mudah dan cepat.


5. **Security Technology** – keselamatan data kewangan pengguna sangat penting apabila menggunakan aplikasi kewangan kerana teknologi seperti sistem pengesahan digunakan untuk melindungi data kewangan pengguna.

Contoh aplikasi kewangan yang boleh digunakan oleh pengguna

Terdapat beberapa aplikasi kewangan yang boleh digunakan oleh ramai pengguna, antaranya adalah:

1. Maybank2u – antara aplikasi perbankan yang memudahkan pengguna untuk mengakses sistem perbankan dengan mudah dan dilengkapi data enkripsi serta sistem pengesahan. Ini boleh digunakan jika anda merupakan pemegang akaun di Maybank. Selain dari itu, perbankan menawarkan aplikasi perbankan tersendiri mengikut akaun pengguna seperti CIMBClicks, Go by Bank Islam dan Hong Leong Connect.

2. Boost – aplikasi e-dompet yang memudahkan pengguna melakukan pembayaran digital dengan pantas dan mudah.



Rajah 1.1 Antara aplikasi kewangan yang ditawarkan di Malaysia

3. **GrabPay** – aplikasi pembayaran digital yang dibangunkan oleh Grab dan ia memudahkan pengguna untuk melakukan pembayaran secara dalam talian atau luar talian.

4. **Touch 'n Go eWallet** – merupakan platform e-dompet yang popular di Malaysia. Pengguna dapat melakukan pembayaran digital ketika urusan jual beli, membayar tol, membayar di tempat letak kenderaan dan sebagainya.

5. **KiplePay** – platform pembayaran digital yang digunakan untuk membuat pembayaran bil serta ketika membeli belah di kedai yang menawarkan pembayaran menggunakan aplikasi ini.

6. **BigPay** – platform pembayaran secara digital yang menawarkan kad debit dan e-dompet dan memudahkan pengiriman wang ke luar negara dengan caj yang rendah.

7. **JomParking** – platform pembayaran yang memudahkan pengguna menggunakan sistem pembayaran di tempat letak kenderaan tanpa perlu ke mesin sedia ada.

8. **Setel** – platform pembayaran di stesen minyak bagi tujuan pembayaran pengisian petrol di kenderaan masing-masing. Guna Setel sahaja tanpa perlu ke kaunter pembayaran.

Terdapat pelbagai aplikasi kewangan yang ditawarkan di luar sana yang disokong teknologi terkini. Apa yang penting adalah perlunya aplikasi kewangan digital di telefon pintar pengguna, daftar dan guna seperti biasa. Mudah kan? Apa tunggu lagi? Jom Tukar!

Rujukan

4 kelebihan perbankan digital Malaysia yang wajib anda tahu,
Laman Web: <https://www.majalahlabur.com/lifestyle/4-kelebihan-perbankan-digital-malaysia-yang-wajib-anda-tahu/>
Dicapai pada 27 April 2023

Laman Web: <https://bigpayme.com/> Dicapai pada 26 April 2023

Laman Web: <https://kiple.com/> Dicapai pada 26 April 2023

Laman Web: <https://myboost.co/paybills> Dicapai pada 26 April 2023

Laman Web: <https://www.grab.com/my/pay/> Dicapai pada 25 April 2023

Laman Web: <https://web.jomparking.com/> Dicapai pada 26 April 2023

Laman Web: <https://www.setel.com/> Dicapai pada 25 April 2023

Laman Web: <https://www.touchngo.com.my/> Dicapai pada 25 April 2023